

SEKOLAH KEBANGSAAN PALONG 9 (F)  
73430 GEMAS  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

---

MINIT MESYUARAT PENGURUSAN PRASEKOLAH KALI KEDUA  
SESI PERSEKOLAHAN TAHUN 2011

Tarikh : 30.06.2011 ( Khamis)  
Masa/ Tempat : 12.30 petang / Bilik Gerakan

Kehadiran :

1. Pn.Noraini binti Ismail (Pengerusi)
2. Pn.Hjh Rusna bt. Mahat (GPK 1)
3. En.Sharif b.Mansor(GPK HEM)
4. Pn.Cik Hardiny Ayuny bt.Che Mohd Yusoff
5. Pn.Fatimah bt Mohd Tahir
6. En.Noor Azman b.Ishak (Ketua Panitia Matematik)
7. Pn.Waromlah bt Hj.Abd Rasid (Ketua Panitia B.Inggeris)
8. Pn. Noorliza bt. Minhat (Ketua Panitia B.Melayu)
9. En.Mohd Razif Irwan b.Ramli
10. Pn.Noraliza bt.Nordin (PPM)

Agenda Mesyuarat :

1. Ucapan Pengerusi
2. Pengesahan Minit Mesyuarat
3. Perkara-perkara berbangkit
4. Laporan Prasekolah untuk penggal 1 2011
5. Hal-hal lain
6. Ucapan Penangguhan

## 1.0 Ucapan Pengerusi

1.1 Ucapan salam dan selamat datang kepada semua guru

1.2 Memaklumkan tujuan mesyuarat diadakan untuk menyenaraikan program dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang penggal 1 persekolahan.

## 2.0 Membentang dan mengesahkan minit mesyuarat yang lepas.

2.1 Setiausaha membentangkan minit mesyuarat yang lalu dan penerimaannya adalah seperti berikut :

Cadangan : En.Noor Azman b. Ishak

Sokongan : Pn. Waromlah bt. Hj.Abd.Rasid

Penerimaan : Sebulat suara

## 3.0 Perkara-perkara berbangkit.

3.1 Tiada perkara berbangkit.

## 4.0 Laporan Prasekolah untuk Penggal 1 oleh Guru Prasekolah

4.1 Aktiviti jangka pendek

4.1.1 Memaklumkan aktiviti jangka pendek yang telah dijalankan di prasekolah iaitu pertandingan mewarna iaitu senyak 3 kali bersempena dengan minggu anti dadah,sambutan maulidur rasul dan minggu ICT peringkat sekolah.

4.1.2 Memaklumkan aktiviti pertandingan kekemasan kerja, pertandingan kira cepat ,dan juga lawatan sambil belajar ke Kuala Lumpur telah diadakan pada 7 Julai 2011.

4.2 Aktiviti jangka panjang

4.2.1 Memaklumkan aktiviti jangka panjang yang telah diadakan iaitu sambutan hari lahir murid bagi murid yang lahir dari bulan Januari hingga Julai pada 19 Julai 2011, program bacaan awal pagi yang diadakan setiap hari sebelum sesi persekolahan bermula untuk murid yang lemah.

4.2.2 Memaklumkan program didik baca juga telah diadakan sebanyak 2 kali iaitu pada cuti penggal 1 bulan Mac dan cuti pertengahan tahun iaitu pada bulan Jun.

4.3 Laporan Akademik mengikut tunjang

**4.3.1 Tunjang Komunikasi (B.Malaysia)**

4.3.1.1 Memaklumkan seramai 10 orang murid telah dapat membaca cerita pendek dengan lancar, 8 orang murid dapat membatangkan perkataan kvkv,kvkvk dan ayat mudah, 4 orang murid dapat membatangkan suku kata kv dan kvkv , dan 2 orang murid masih belum menguasai abjad.

**4.3.2 Tunjang Komunikasi (B.Inggeris)**

4.3.2.1 Memaklumkan seramai 6 orang murid telah dapat menguasai kemahiran membaca, 8 orang murid dapat menyebut beberapa perkataan , manakala 10 orang murid memerlukan bimbingan berterusan semasa menjalankan aktiviti menyebut dan membaca dalam bahasa Inggeris.

**4.3.3 Tunjang Sains & Teknologi (Matematik)**

4.3.3.1 Memaklumkan seramai 16 orang murid telah dapat menguasai asas nombor dan operasi tambah, 3 orang telah menguasai asas nombor dan 5 orang murid yang belum menguasai asas nombor iaitu 1 hingga 10

**4.3.4 Tunjang Sains & Teknologi (Awal Sains)**

4.3.4.1 Memaklumkan pencapaian murid dalam kemahiran awal sains dinilai dari segi mengenal bentuk, warna,saiz objek dan juga penguasaan dalam ICT. Kebanyakan murid telah menguasai dan 5 orang murid masih belum mengenal warna.

***Tindakan: Makluman semua guru.***

5.0 Hal-hal lain

5.1 Pn.Waromlah binti Hj Abd Rashid mencadangkan guru prasekolah mewujudkan satu hari dalam seminggu khas untuk tunjang komunikasi Bahasa Inggeris bertujuan melatih murid berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris bagi meningkatkan penguasaan mereka dalam Bahasa Inggeris.

***Tindakan: Guru Prasekolah***

5.2 En.Noor Azman bin Ishak mencadangkan murid yang lemah dalam matematik diberikan nombor yang berlainan setiap minggu dan membuat latihan berulang untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam asas nombor.

***Tindakan: Guru Prasekolah.***

1.0 Ucapan Penangguhan

6.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada guru yang hadir dan mengharapakan guru prasekolah dan pembantu pengurusan murid memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan program yang telah dirancang.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.30 petang

Pencatat,

.....

(CIK HARDINY AYUNY BT CHE MOHD YUSOFF)

Setiausaha

Jawatankuasa Pengurusan Prasekolah

SK Palong 9 (F)

